


SELAMPIT



Di-terbitkan oleh
DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA

KEMENTERIAN PELAJARAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU




DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Cherita "Selampit" yang terkandong di-dalam buku ini ia-lah satu daripada beberapa banyak cherita² tua Melayu yang di-tutor-k a n turun-menurun oleh ahli² penglipor lara atau tukang² cherita yang maseh ada beberapa orang lagi di-negeri Kelantan dan di-lain² negeri juga d a l a m Persekutuan Tanah Melayu ini.

Di-antara berbagai² jenis cherita yang di-tutorkan oleh tukang² cherita di-Negeri Kelantan, maka cherita "Selampit" i n i - l a h yang termashhor dan di-gemari oleh peminiat²-nya sa-hingga tukang² cherita di-Nege-ri Kelantan itu ter-kenal dengan gelaran "To' Selapit" (To' Selampit). Ada pun chara To² Selampit itu menutorkan cherita²-nya ia-lah dengan menyanyi sambil bermain rebab.

Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku ini ia-lah sa-bagi melaksanakan satu di-antara tugas²-nya ia-itu dalam usa-ha membongkar dan menyelidek hasil² sas-tera lama Melayu.

CHERITA SELAMPIT



CHERITA SELAMPIT

Di-terbitkan oleh
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran
Kuala Lumpur
1965

Siri Kelasik DBP Bil. 1

<i>CHETAKAN PERTAMA.....</i>	<i>1959</i>
<i>CHETAKAN KEDUA.....</i>	<i>1962</i>
<i>CHETAKAN KETIGA.....</i>	<i>1965</i>

(Hakchipta Terpelihara)

Di-chetak oleh :
SAUDARA SINARAN BERHAD
PULAU PINANG.

\$ 1.00

ISI-NYA

MUKA SURAT

1. Pendahuluan	-	-	-	-	-	vii
2. Sadikit tentang Permulaan Kesah Selampit	-	-	-	-	-	xi
3. Ringkasan, Pandangan dan Ulasan oleh Dato' Mustafa Fadhil Mahmud	-	-	-	-	-	xv
4. Sastera Penglipor Lara	-	-	-	-	-	xix
5. Cherita "Selampit" :						
Bahagian I	-	-	-	-	-	1
Bahagian II	-	-	-	-	-	6
Bahagian III	-	-	-	-	-	15
Bahagian IV	-	-	-	-	-	22
Bahagian V	-	-	-	-	-	34
Penutup	-	-	-	-	-	43

PENDAHULUAN

SATU di-antara tujuan utama Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah hendak menjalankan usaha dengan sa-berapa boleh-nya untok membongkar dan mengumpulkan segala hasil2 sastera lama Melayu supaya dengan yang demikian bukan sahaja bererti kita menghargai dan mengekalkan pesaka peninggalan nenek moyang bahkan juga dengan-nya dapat-lah di-selideki tingkat2 kebolehan, aliran chara berfikir dan chara hidup bangsa kita di-sapanjang zaman yang telah lalu.

Sa-hingga ini boleh di-katakan telah ada juga sa-banyak sadikit-nya kejayaan2 yang telah di-laksanakan oleh Dewan ini dalam usaha2 saperti yang di-maksudkan itu, kira2 tiga puloh buah hasil2 sastera lama Melayu berupa hikayat2 dan sa-bagai-nya telah di-perolehi sama ada dengan jalan di-pinjam, di-terima sa-bagai hadiah atau sa-umpama-nya; beberapa buah di-antara buku2 itu sudah pun di-ambil gambar (photo-stat)-nya, ada juga yang sedang di-salin untok kerja2 penyelidikan yang akan di-majukan kelak.

Tatkala memperkatakan perkara hasil2 sastera lama ini, maka kita tidak-lah harus melupakan sa-jenis sastera yang di-perchayai terlebeh tua daripada jenis2 sastera lama yang lain2, sastera yang di-maksudkan ini ia-lah sastera penglipor lara atau sastera yang di-tutorkan.

Meski pun sastera penglipor lara ini maseh belum hapus

lagi, dan di-satengah2 negeri maseh banyak lagi penggemar2-nya, tetapi keadaan perkembangan-nya pada zaman sa-ratus dua ratus tahun atau lebih dahulu tentu-lah terlebih maju dan lebih mendapat sambutan daripada keadaan-nya yang sekarang ini. Oleh kerana menilek kapada chepat-nya perkembangan tamaddun menjalar ka-kampong2 dengan berbagai alat untok penglipor lara saperti wayang gambar, sandiwaras radio dan sa-bagai-nya, istimewa pula gerakan2 usaha membasmi buta huruf sedang di-jalankan dengan pesat-nya di-kalangan ra'ayat jelata seluroh-nya yang membolehkan tiap2 sa-orang pandai membacha hasil2 sastera yang bertulis, maka harus-lah dalam masa yang tiada berapa lama lagi cherita2 yang di-tutorkan oleh penglipor lara itu tiada lagi mendapat sambutan; hal ini neschaya akan membawa kapada lenyapnya sastera penglipor lara itu.

Dengan tujuan hendak mengekalkan hasil2 sastera penglipor lara itu, jangan sampai hilang lenyap tenggelam di-sapu gelombang tamaddun pada masa akan datang kelak, sakurang2-nya kekal dalam simpanan untok jadi kenangan anak chuchu kita, maka Dewan ini telah menghantar rombongan pegawai2-nya ka-Kota Baharu, Kelantan untok merakamkan cherita2 yang di-tutor dan di-nyanyikan oleh “To’ Selapit” di-sana. Dalam pada itu pun memang sedia di-ketahui bahawa maseh ada lagi beberapa orang ahli2 penglipor lara di-negeri2 lain saperti di-Kedah dan di-Terengganu, insha’ Allah kerja2 untok merakamkan cherita2 penutoran mereka akan di-usaha-kan juga.

Dalam masa pemergian rombongan pegawai2 Dewan ini ka-Kelantan untok merakamkan cherita2 yang di-tutorkan oleh “To’2 Selapit” di-sana, maka saya tidak lupa melafazkan uchapan terima-kaseh kepada Dato’ Mustafa Fadhil (Dato’

Seri Amar Diraja, Kelantan) dan penolong-nya Wan Abdul Rahman, Penggawa Bekelam, Bachok Kelantan, kerana jasa kerjasama mereka sa-hingga dapat di-rakamkan cherita2 penutoran “To’2 Selapit” itu.

Patut juga di-sebutkan di-sini ia-itu kerja2 untok memetek dan menuliskan tiap2 penutoran dan nyanyian dari cherita “Selampit” ini telah di-tugaskan kepada Enche’ Sa’ad bin Haji Muda (Penyiasat Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka), dan kemudian-nya telah di-sunting serta di-perbaiki dan di-susun menurut bentuk yang ada ini oleh Enche’ Abdul Samad bin Ahmad (Pegawai Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka).

Syed Nasir bin Ismail
Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.
